

28 DEC 2003

Sri Lanka-Konflik/I

MASALAH DALAMAN SRI LANKA MESTI DISELESAIKAN SEGERA UNTUK TARIK BANTUAN

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Kerajaan Sri Lanka yang dipilih dan diketuai Perdana Menteri Ranil Wickremesinghe, mahu menyelesaikan segera masalah dengan Presiden negara itu Chandrika Kumaratunga bagi membolehkan negara yang pernah dilanda peperangan itu menerima bantuan asing berjumlah berjuta-juta dollar.

Menteri Luar Sri Lanka Tyronne Fernando berkata walaupun kedua-dua pihak yang bertelagah tidak menetapkan tarikh bagi menyelesaikan masalah politik dalaman mereka, "ia tidak bermakna kita boleh berlengah-lengah" dalam menyelesaikan isu itu.

"Bukan kita sahaja gadis di tepi pantai, banyak lagi gadis lain di pantai," katanya merujuk kepada janji dalam bentuk bantuan asing kepada negara itu, yang dilanda perang saudara selama 20 tahun berikutan pemberontakan pemberontak harimau pembebasan Tamil Eelam, Sri Lanka (LTTE).

Fernando berkata demikian pada sidang media di hotel penginapannya di sini. Beliau yang tiba dari Mauritius dan Seychelles untuk kembali ke negaranya, menginap di sini semalaman.

Beliau berkata kedua-dua pihak yang bertelagah, wajar berdamai namun "ia mungkin mengambil masa."

"Kami kini susah mencapai tahap 90 peratus penyelesaian (berdamai dengan LTTE). Kita sudah mencapai banyak kemajuan, termasuk mendapatkan kaum bapa pengebom berani mati (LTTE merupakan perintis kepada taktik ganas itu) dukud berbincang. Kini mereka (LTTE) sudah menghentikan tindakan itu dan sejak dua tahun lepas, kami sudah menyelamatkan 20,000 nyawa," katanya.

Perebutan kuasa antara Wickremesinghe dan Kumaratunga sampai ke kemuncaknya apabila Presiden memecat menteri pertahanan, menteri dalam negeri dan menteri media dalam kerajaan Perdana Menteri yang dipilih pada November lepas dengan berkata bahawa Wickremesinghe membelakangkan keselamatan apabila mengalah dengan LTTE dalam usaha untuk menamatkan peperangan di sebuah negeri Tamil di utara dan timur kepulauan itu.

Perdana Menteri sebaliknya mendakwa beliau tidak dapat terus mengetuai proses damai yang diusahakan oleh Norway itu kecuali beliau menguasai keselamatan yang dipegang oleh Menteri Pertahanan.

Pada persidangan negara penderma di Jepun Jun lepas, negara asing berjanji menghulurkan bantuan bernilai kira-kira US\$4.5 bilion bagi membangunkan semula Sri Lanka, dengan syarat wujud kemajuan dalam proses rundingan antara kerajaan dan LTTE.

Apabila masalah dalaman tercetus antara Perdana Menteri dan Presiden, Norway menarik diri, namun pakatan damai antara kerajaan dan LTTE setakat ini masih kukuh.

"LTTE berjanji tidak akan kembali berperang. Mereka (bagaimanapun) sedang melengkapkan diri mereka (sejak perebutan kuasa antara Perdana Menteri dan Presiden tercetus), seperti juga kami, kita tidak boleh membuang terlalu banyak masa untuk mencari penyelesaian," kata Fernando.

Beliau berkata jika Kumaratunga mahu mengekalkan portfolio pertahanan negara, beliau mesti mengambil alih proses damai, yang diberi nafas baru oleh Wickremesinghe selepas menjadi Perdana Menteri tiga tahun lepas.

Fernando menolak kemungkinan pilihan raya diadakan bagi menyelesaikan pertikaian antara Perdana Menteri dan Presiden dengan berkata bahawa pilihan raya hanya akan menjurus "kepada keganasan dan lebih banyak pertumpahan darah."

"Kita perlu selesaikan isu ini menerusi satu skim bersama. Kedua-dua

pihak perlu berunding. Kita perlu pinda perlembagaan bagi memberi apa yang dikehendaki oleh LTTE dan untuk melakukannya, kita perlu majoriti dua pertiga di Parlimen. Tidak ada satu parti pun di Sri Lanka boleh melakukannya... jadi sudah pasti kita perlu berunding," katanya.

Beliau berkata meskipun Sri Lanka diberi pelbagai publisiti buruk akibat masalah dalamannya, pelancong serta pelabur masih datang ke negara itu dan itulah sebab utama keamanan perlu dikekalkan.

Beliau berkata Malaysia kini menjadi antara pelabur utama di Sri Lanka dengan pelbagai projek termasuk pembinaan Lebuhraya Candy.

Dalam perkembangan lain, Fernando yang telah dicalonkan untuk jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selepas Kofi Annan menamatkan tempoh jawatannya pada 2007, berkata sudah tiba masanya Asia diberi peluang menduduki kerusi itu.

"Asia pernah menjadi setiusaha agung PBB 41 tahun lepas. Afrika sudah tiga kali. Jadi kami merasakan Asia mesti mengambil tindakan yang kukuh untuk mendapatkan kedudukan itu sekarang."

Ditanya mengenai reaksinya jika bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan calon Asia yang sesuai, beliau berkata: "Dia boleh, jika dia seorang diplomat yang lebih baik daripada saya."

-- BERNAMA

SR KHY LAT